

Memahami konsep pemasaran bertingkat

Skim tanpa melibatkan sebarang penjualan produk atau perkhidmatan adalah satu penipuan.

Oleh MUSTAKIM RAMLI

KONSEP pemasaran bertingkat (MLM) adalah salah satu strategi pemasaran yang digunakan oleh ramai peniaga pada masa kini. Secara umum, golongan yang terlibat dengan kaedah pemasaran itu bergerak secara sambungan sebagai pengedar atau ahli.

Pelan pemasaran mengikut kaedah MLM adalah sebahagian daripada konsep perniagaan yang dinamakan sebagai jualan langsung. Justeru, untuk mengatakan jualan langsung itu sebagai MLM adalah tidak tepat, sebaliknya MLM itu sebenarnya sebahagian bentuk jualan langsung.

Selain itu, MLM juga sering kali dikaitkan dengan aktiviti penipuan. Bagi mendapatkan penjelasan lanjut, Majoriti 7 mendapatkan pandangan pakar kewangan yang juga Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri.

Boleh Prof. jelaskan apakah yang dimaksudkan MLM dan jualan langsung?

Secara umum, terdapat tiga jenis



Mohamad Fazli



Pemasaran bertingkat adalah konsep perniagaan yang memerlukan pembentukan rangkaian.

pelan di bawah perniagaan jualan langsung iaitu berbilang tingkat (MLM), satu tingkat (*single level marketing plan*) dan jualan melalui pesanan pos (*mail order*). Semua jenis pelan perniagaan ini tertakluk kepada Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (AJLSAP 1993) dan Peraturan-Peraturan Jualan Langsung.

Antara ketiga-tiga jenis pelan pemasaran tersebut, perniagaan MLM sering mendapat perhatian dalam kalangan pengguna.

MLM adalah bentuk perniagaan yang memerlukan pembentukan rangkaian untuk membolehkan ahli berdaftar atau pengedar mendapat komisyen, bonus atau insentif daripada syarikat apabila berjaya membuat jualan. Antara terma lain yang digunakan untuk MLM ialah pemasaran rangkaian (*network marketing*) dan pemasaran rujukan (*referral marketing*).

Bagaimanakah konsep perniagaan ini beroperasi?

Lazimnya, syarikat akan melantik individu sama ada sebagai ahli atau pengedar untuk mengedarkan barang syarikat mereka.

Seterusnya, ahli atau pengedar berkenaan akan melantik individu lain atau sering disebut sebagai *down line* bagi membentuk rangkaiannya menjual barang syarikat.

Proses pengambilan ahli atau pengedar baharu boleh diteruskan sehingga satu peringkat yang telah ditetapkan. Ahli-ahli akan menerima komisyen, bonus atau insentif daripada jualan peribadi mereka, jualan ahli atau pengedar di bawah rangkaiannya.

Adakah MLM berbentuk sistem piramid iaitu orang paling atas akan meraih untung atas angin?

Pelbagai pendapat menyatakan bahawa skim piramid dan MLM adalah perkara yang sama. Malah,

